



29 April 2025  
29 April 2025  
P.U. (A) 137

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH KERJA (PENGELUAR INSTRUMEN  
PEMBAYARAN YANG DITETAPKAN YANG DILULUSKAN  
YANG DIKTIRAF) 2025

*EMPLOYMENT (RECOGNIZED APPROVED ISSUER OF  
A DESIGNATED PAYMENT INSTRUMENT) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KERJA 1955

PERINTAH KERJA (PENGELUAR INSTRUMEN PEMBAYARAN YANG DITETAPKAN  
YANG DILULUSKAN YANG DIKTIRAF) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 25(4) Akta Kerja 1955 [Akta 265], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kerja (Pengeluar Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan yang Diluluskan yang Diiktiraf) 2025**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Mei 2025 hingga 30 April 2028.

**Pemakaian**

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi pembayaran gaji pekerja asing.

**Tafsiran**

3. Dalam Perintah ini, “pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan” ertinya pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau pengeluar instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].

**Pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan yang diiktiraf**

4. Pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan yang dinyatakan dalam Jadual ditentukan menjadi pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan yang diiktiraf bagi maksud pembayaran gaji di bawah Bahagian V Akta tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang Menteri fikirkan patut.

JADUAL

PENGELUAR INSTRUMEN PEMBAYARAN YANG DITETAPKAN YANG DILULUSKAN

1. Fass Payment Solutions Sdn. Bhd.
2. IME (M) Sdn. Bhd.
3. Instapay Technologies Sdn Bhd.
4. Kiplepay Sdn. Bhd.
5. ManagePay Services Sdn. Bhd.
6. WorkerzDirect Sdn. Bhd.

Dibuat 23 April 2025  
[KSM/PUU(S)600-1/2/1/1(9); PN(PU2)192/XI]

SIM CHEE KEONG  
*Menteri Sumber Manusia*

EMPLOYMENT ACT 1995

EMPLOYMENT (RECOGNIZED APPROVED ISSUER OF A DESIGNATED PAYMENT INSTRUMENT) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 25(4) of the Employment Act 1955 [Act 265], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Employment (Recognized Approved Issuer of a Designated Payment Instrument) Order 2025**.

(2) This Order shall have effect for the period from 1 May 2025 to 30 April 2028.

**Application**

2. This Order shall apply to payment of wages for foreign employees.

**Interpretation**

3. In this Order, “approved issuer of a designated payment instrument” means an approved issuer of a designated payment instrument under the Financial Services Act 2013 [Act 758] or an approved issuer of a designated Islamic payment instrument under the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759].

**Recognized approved issuer of a designated payment instrument**

4. The approved issuer of a designated payment instrument specified in the Schedule are specified to be recognized approved issuer of a designated payment instrument for the purpose of payment of wages under Part V of the Act subject to such conditions as the Minister thinks fit.

SCHEDULE

APPROVED ISSUER OF A DESIGNATED PAYMENT INSTRUMENT

1. Fass Payment Solutions Sdn. Bhd.
2. IME (M) Sdn. Bhd.
3. Instapay Technologies Sdn Bhd.
4. Kiplepay Sdn. Bhd.
5. ManagePay Services Sdn. Bhd.
6. WorkerzDirect Sdn. Bhd.

Made 23 April 2025  
[KSM/PUU(S)600-1/2/1/1(9); PN(PU2)192/XI]

SIM CHEE KEONG  
*Minister of Human Resources*